

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Rayyan menunggang basikal dengan berhati-hati _____ jalan itu sangat licin.

supaya

kerana

bahawa

2. Kemalangan itu melibatkan sebuah motosikal _____ sebuah lori.

atau

kecuali

dan

3. Pak Cik Ahmad berbual-bual dengan rakannya _____ menunggu anaknya menjemput pulang.

sementara

kerana

jika

4. Kakinya bengkok _____ disengat oleh seekor lebah.

tetapi

agar

kerana

5. Aiman menutup suis komputer _____ keluar dari makmal komputer.

serta

lalu

sambil

6. Mardinah membaca majalah kesukaanya _____ mendengar radio.

atau

manakala

sambil

7. Saya tidak akan menyertai perkhemahan itu _____ ibu bapa tidak memberi kebenaran.

tetapi

jika

sementara

8. Azib mendapat 92 markah dalam peperiksaan Matematik _____ dia masih tidak berpuas hati.

sementara

kerana

namun

9. Tangan kita perlu sentiasa dicuci _____ tidak dijangkiti kuman.

agar

lalu

ketika

10. Banjir _____ gempa bumi merupakan bencana alam yang sering berlaku di sesetengah negara.

hingga

dan

kecuali

11. Anas membuat laporan polis _____ mendapati beg duitnya hilang.

sungguhpun

sebelum

setelah

12. Setiap murid boleh memilih sama ada menyertai Kelab Hadrah _____ Kelab Bola Speak sebagai aktiviti kokurikulum mereka.

serta

atau

dan

13. Puan Laila bukan sahaja tekun bekerja _____ dia juga seorang suri rumah tangga yang baik.

bahawa

malahan

kerana

14. Klinik itu beroperasi 18 jam setiap hari _____ hari Ahad.

selepas

kecuali

atau

15. Syahmie minum empat gelas air _____ terlalu dahaga.

supaya

kerana

Meskipun

16. Pekerja bengkel itu sedang membaiki kereta _____ pengurusnya sedang melayan pelanggan.

manakala

sambil

atau

17. Mesyuarat tergempar itu berlanjutan _____ ke tengah malam.

lalu

selepas

hingga

18. _____ budak lelaki itu miskin, namun demikian dia tetap berusaha bersungguh-sungguh demi mencapai cita-citanya.

Ketika

Selepas

Sungguhpun

19. Kakak saya lulus dalam ujian itu _____ saya gagal.

dan

tetapi

atau

20. Nasuha bersorak terlalu kuat _____ suaranya serak.

hingga

supaya

manakala